

## PUTRA STEM@UPMKB

Cetakan : 2020  
Hakcipta @2020 : Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu Sarawak  
Penerbit : Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu Sarawak  
Jalan Nyabau, Peti Surat 396,  
97008 Bintulu, Sarawak.

Edisi : 1  
URL : <http://psasir.upm.edu.my/id/eprint/83127/>  
URL : [https://btu.upm.edu.my/community\\_development/community\\_development/putra\\_stem\\_upmkb-41495](https://btu.upm.edu.my/community_development/community_development/putra_stem_upmkb-41495)

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan menyalin atau menerbitkan semula mana-mana bahagian dalam buku ini dalam apa juga bentuk dengan apa cara sekali pun sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit.

Perpustakaan Negara Malaysia

Pengkatalogan-Dalam-Penerbitan

### PUTRA STEM @ UPMKB

Editor: Patricia King Jie Hung, Hanisah Kamilah, Shafinah Kamarudin, Ellie Teo Yi Lih, Faridah Binti Abdul Razak, Fatin Hana Naning, Fauziah Abu Bakar, Koo Lee Feng, Leong Sui Sien, Mohd Maulana Magiman, Muhamad Azmi Mohammed, Nurul Nadwa Zulkifli, Omar Faruqi Bin Marzuki, Rosli Ismail, Wong Tze Jin, Mohd Saufi Mohd Ramli

Mod capaian: Internet

eISBN 978-967-12140-7-7



## **PUTRA STEM@UPMKB**

Published : 2020  
Copyright @2020 : Universiti Putra Malaysia Bintulu Sarawak  
Publisher : Universiti Putra Malaysia Bintulu Sarawak  
Nyabau Road, P.O. Box 396,  
97008 Bintulu, Sarawak.  
Edition : 1  
URL : <http://psasir.upm.edu.my/id/eprint/83127/>  
URL : [https://btu.upm.edu.my/community\\_development/community\\_development/putra\\_stem\\_upmkb-41495](https://btu.upm.edu.my/community_development/community_development/putra_stem_upmkb-41495)

All rights reserved. No part of this book may be reproduced or utilized in any form or by any means, electronic or mechanical, including photocopying, recording, or by any information storage and retrieval system, without permission in writing from the publisher.

Perpustakaan Negara Malaysia

Cataloguing-in-Publication-Data

### **PUTRA STEM @ UPMKB**

Editors: Patricia King Jie Hung, Hanisah Kamilah, Shafinah Kamarudin, Ellie Teo Yi Lih, Faridah Binti Abdul Razak, Fatin Hana Naning, Fauziah Abu Bakar, Koo Lee Feng, Leong Sui Sien, Mohd Maulana Magiman, Muhamad Azmi Mohammed, Nurul Nadwa Zulkifli, Omar Faruqi Bin Marzuki, Rosli Ismail, Wong Tze Jin, Mohd Saufi Mohd Ramli

Mod capaian: Internet

eISBN 978-967-12140-7-7



# KATA ALU-ALUAN

Assalamualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera,

Syukur ke hadrat yang Maha Esa kerana dengan izin- dan rahmatNya kita dapat bersama-sama menjadikan penerbitan buku modul Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) peringkat Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu (UPMKB) ini berjaya. Sekalung tahniah saya ucapkan kepada semua barisan editor dan semua pihak yang terlibat dalam menjayakan penerbitan buku Putra STEM ini.

Sistem Pendidikan Malaysia sedang melalui proses transformasi menyeluruh selari dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 dan salah satu daripada 19 inisiatif utama PPPM 2018 ialah Pengukuhan Pendidikan STEM. Seperti yang sedia maklum, bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) adalah bidang yang menjadi tumpuan bukan hanya di Malaysia tetapi di serata dunia. Antara matlamat pendidikan STEM ialah melahirkan murid berliterasi STEM yang berupaya untuk mengenal pasti, mengaplikasi serta mengintegrasikan konsep STEM untuk memahami masalah dan menyelesaikannya secara kreatif dan inovatif. Hal ini dapat dijayakan melalui pembelajaran bersepadu yang mengaplikasikan konteks dunia sebenar dan menggunakan pendekatan *hands on* dan penerokaan terbuka.

Penghasilan buku ini dikhususkan kepada murid Tahun 4, 5 dan 6 bertujuan untuk menarik minat mereka ke arah STEM. Pendekatan isi kandungan buku ini adalah melalui penekanan elemen KBAT yang diselaraskan dengan sukatan pembelajaran sekolah rendah. Pembinaan kandungan buku beserta ilustrasinya adalah hasil kreativiti 15 orang pensyarah UPMKB.

Akhirulkalam, saya dedikasikan penghargaan tidak terhingga kepada semua barisan editor dan semua yang terlibat sama ada secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan penerbitan buku Putra STEM ini.

Sekian, terima kasih.



**PROFESOR DR. BUJANG B.K. HUAT**

Pengarah

Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu Sarawak

# FOREWORD

Assalamualaikum W.B.T and good day,

Grateful to the Almighty, that we accomplished in publishing the Science, Technology, Engineering, and Mathematics (STEM) Modules book. Huge congratulations to all editors and parties involved in the making of the Putra STEM book publishing project, a success.

The Malaysian Education System is undergoing a thorough transformation process in line with the Malaysia Education Development Plan 2013-2025, and one of the PPM 2018's 19 key initiatives is to strengthen the STEM Education. As we are all aware that the Science, Technology, Engineering and Mathematics (STEM) subject is an area that has been the focus not only in Malaysia, yet the whole world as well. Among the goals of STEM education is to produce STEM literate students who can identify, apply, and integrate STEM concepts to understand problems and mitigate the issues with creative and innovative methods. This can be achieved *via* integrated learning which relevant in real-world environments, using hands-on approaches and exploration.

The published of this book is designed for Year 4, 5 and 6 students with the objective to stimulate the interest of the students in STEM. The approach of this book is aligned with the primary school syllabus, highlighting of KBAT elements. The construction of the book materials and the illustrations are the creative outcomes contributed by 15 academicians of UPMKB.

Ultimately, I express my sincere gratitude to the editors and those involved directly and indirectly in the successful publication of this Putra STEM book.

Thank you.



**PROFESSOR DR. BUJANG B.K. HUAT**  
 Campus Director  
 Universiti Putra Malaysia Bintulu Sarawak Campus

# PENDAHULUAN

## **PUTRA STEM@UPMKB**


Buku Putra STEM@UPMKB merupakan hasil usaha pensyarah-pensyarah Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu, Sarawak dalam menghakupaya pembangunan SAINS, TEKNOLOGI, KEJURUTERAAN dan MATEMATIK (STEM) komuniti tempatan khususnya di peringkat sekolah. Pengisian buku ini mengintegrasikan sukatan pelajaran STEM semasa dan aktiviti-aktiviti STEM yang dapat mencetus perkembangan minda. Konsep PUTRA STEM@UPMKB adalah untuk menambahkan elemen keseronokan, minat dan kepuasan pelajar dalam pembelajaran STEM di samping meningkatkan kefahaman konsep asas STEM. Melalui pelaksanaan aktiviti yang dirancang dalam program PUTRA STEM@UPMKB, pelajar dapat menghayati pengetahuan STEM dan aplikasinya dalam hidupan harian.

Pembangunan buku ini diharap dapat diaplikasi dalam pembelajaran STEM samaada di peringkat sekolah rendah mahu pun di peringkat menengah untuk melahirkan pelajar berliterasi STEM. Pelajar berliterasi STEM berkeupayaan untuk:

- i. mengenal pasti, mengaplikasi serta mengintegrasikan konsep STEM
- ii. memahami masalah dan menyelesaikan secara kreatif dan inovatif pembelajaran bersepadu STEM
- iii. mengaplikasikan konteks dunia sebenar dengan mengguna pendekatan *hands-on* dan penerokaan terbuka.

Usaha yang berterusan dalam memperkasa mata pelajaran STEM di kalangan pelajar adalah sangat penting kerana mereka adalah 'innovator' pada masa hadapan. Negara yang inovatif akan berkeupayaan meningkatkan mutu hidup harian rakyatnya dan daya saing di arena ekonomi antarabangsa.

Secara keseluruhannya, penerbitan buku ini diharap dapat membantu guru dalam menyediakan bahan pengajaran STEM yang lebih menarik. Barisan penulis juga berharap penghasilan buku ini dapat menyumbang kepada usaha dalam melahirkan lebih ramai pelajar Malaysia yang meminati STEM dan menjadi pereka-cipta serta golongan yang membawa pembaharuan ("Innovator") dan kemajuan kepada negara.



**DR. MOHD MAULANA MAGIMAN**  
 Pengarah  
 Program Putra STEM@UPMKB 2020

# PREFACE

## **PUTRA STEM@UPMKB**

The book of Putra STEM@UPMKB was conceived as a tireless effort of Universiti Putra Malaysia, Bintulu, Sarawak Campus academicians, encompass the development of SCIENCE, TECHNOLOGY, ENGINEERING and MATHEMATICS (STEM) among the local community, especially school children. The content of this book integrates current STEM syllabus and STEM activities that can stimulate mind development. The concept of PUTRA STEM @ UPMKB is to add elements of fun, interest, and satisfaction to STEM learning while enhancing the understanding of basic STEM concepts. Through the implementation of the planned activities in the PUTRA STEM @ UPMKB program, students will be able to appreciate STEM knowledge and its application in daily life.

The development of this book is intended to be applied in the STEM teaching and learning process among primary and secondary school children to produce STEM-literate students. Students with strong fundamental knowledge in STEM will be able to:

- i. Identify, apply and integrate STEM concepts
- ii. Understand and solve problems with creativity and innovation
- iii. Apply real-world context using hands-on approaches and open exploration.

Perpetual efforts to enhance STEM among students are important as they are the future innovators. A country with innovative subjects can improve the quality of life of her people and increase her competitiveness in the international economic arena.

In a nutshell, this book is intended to help teachers in their preparation for fun STEM teaching materials. At the same time, the authors also hope this book will contribute to the government's effort in instilling interest in STEM among Malaysian students and producing more innovators that can ensure future advancements of the country.



**DR. MOHD MAULANA MAGIMAN**  
Chairman  
Program Putra STEM@UPMKB 2020

## **ISI KANDUNGAN (EDISI BAHASA MELAYU)**

<b>PUTRA STEM .....</b>	<b>1</b>
<b>EDITOR .....</b>	<b>2</b>
<b>MODUL .....</b>	<b>3</b>
<b>KLUSTER SAINS .....</b>	<b>5</b>
<b>KLUSTER TEKNOLOGI .....</b>	<b>9</b>
<b>KLUSTER KEJURUTERAAN .....</b>	<b>13</b>
<b>KLUSTER MATEMATIK .....</b>	<b>21</b>



## TABLE OF CONTENTS (ENGLISH EDITION)

<b>PUTRA STEM .....</b>	<b>25</b>
<b>EDITOR .....</b>	<b>26</b>
<b>MODULES .....</b>	<b>27</b>
<b>SCIENCE CLUSTER .....</b>	<b>29</b>
<b>TECHNOLOGY CLUSTER .....</b>	<b>33</b>
<b>ENGINEERING CLUSTER .....</b>	<b>37</b>
<b>MATHEMATICS CLUSTER .....</b>	<b>45</b>

# EDISI BAHASA MELAYU

# PUTRA STEM

## Pengenalan

Menyedari kepentingan bakat pada abad ke-21, Malaysia telah terlibat dalam penilaian antarabangsa seperti 'Trends in International Mathematics and Science Study' (TIMSS) dan 'Programme for International Student Assessment' (PISA) bagi menilai pencapaian dan kebolehan pelajar. Keputusan TIMSS pada tahun 2015 dan PISA pada tahun 2018 menunjukkan Malaysia mencatatkan peningkatan yang memberansangkan dengan berada di kedudukan pertengahan daripada semua negara yang terlibat dalam TIMSS dan PISA (IEA, 2015; OECD, 2018). Usaha yang berterusan dalam memperkasa STEM perlu dilaksanakan bagi memastikan prestasi negara akan berada di tangga tiga teratas dalam PISA dan TIMSS menjelang 2025, selari dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.

## Konsep

Perkembangan modul PUTRA STEM diinspirasi melalui 2 teori dalam pembelajaran dan pendidikan: Pengukuhan dan Pembinaan. Teori Pengukuhan adalah proses aktif iaitu pelajar memperkembangkan pengetahuan secara sendiri berdasarkan pengetahuan sedia ada dan seterusnya mengolah pengetahuan kepada bentuk yang boleh diterima. Dalam kata lain, pengetahuan baru dibentuk sebagai hasil daripada interaksi antara maklumat baru dan pengetahuan tersedia. Sekiranya pelajar dapat merungkai perkaitan pengetahuan secara sendiri, maka mereka memahami pengetahuan dengan lebih jitu (Bruner, 1962). Teori ini mencadangkan pembelajaran berlaku melalui interaksi dan perungkaian sosial (Vygotsky, 1978). Teori Pembinaan pula mencadangkan kaedah yang lebih cekap dengan cara melibatkan pelajar dalam merekacipta objek secara luaran. Teori Pembinaan mencadangkan pembentukan idea baru akan berlaku dengan jaya apabila pelajar terlibat dalam penghasilan artifak di dunia sebenar (Papert, 1991).

## **EDITOR**

P.M. Dr. Patricia King Jie Hung

Dr. Hanisah Kamilah

Dr. Shafinah Kamarudin

Dr. Ellie Teo Yi Lih

Dr. Faridah Binti Abdul Razak

Dr. Fatin Hana Naning

Dr. Fauziah Abu Bakar

Dr. Koo Lee Feng

Dr. Leong Sui Sien

Dr. Mohd Maulana Magiman

Dr. Muhamad Azmi Mohammed

Dr. Nurul Nadwa Zulkifli

Dr. Omar Faruqi Bin Marzuki

Dr. Rosli Ismail

Dr. Wong Tze Jin

En. Mohd Saufi Mohd Ramli

## **MODUL**

### **SAINS**

Modul ini bertujuan memperkenalkan kepada pelajar konsep utama dalam pengelasan organisma hidup dan kebolehan organisma tersebut bermandiri di habitat masing-masing.

Aktiviti pertama memberikan pendedahan awal kepada pelajar tentang konsep pengelasan/taksonomi sesuatu organisma. Dalam modul ini, pelajar akan diperkenalkan dengan dunia serangga. Serangga adalah organisma yang paling berjaya di atas muka bumi disebabkan oleh biodiversitinya, kadar rintangan yang tinggi terhadap ancaman penyakit, dan kebolehan mendiami habitat yang berbeza dengan organisma yang lain.

Pelajar akan memahami ciri-ciri asas dan konsep sesuatu serangga serta dapat mengenalpasti perbezaan serangga daripada organisma lain yang memberikan kelebihan kepada kemandirian serangga tersebut. Paling utama, pelajar dapat menghayati biodiversiti dan kepelbagaian habitat serangga memandangkan negara kita, Malaysia, merupakan salah satu daripada kawasan tumpuan utama biodiversiti di dunia.

Aktiviti kedua bertujuan mendalami kefahaman pelajar dalam sistem pengangkutan tumbuhan. Sistem pengangkutan tumbuhan mempunyai kesamaan dengan sistem peredaran darah manusia. Oleh itu, melalui aktiviti ini, pelajar dapat memperhatikan sistem pengangkutan sesuatu bahan dalam tumbuhan, dan pada masa yang sama, dapat mencetus minda pemikiran pelajar kepada system peredaran darah manusia. Melalui praktikal dan pemerhatian, pelajar dijangka dapat lebih memahami mekanisma pengangkutan dalam tumbuhan.

## **TEKNOLOGI**

Melalui modul ini, pelajar dapat mempelajari asas komunikasi komputer dan diperkenalkan dengan konsep asas bahasa program komputer. Komputer menggunakan sistem binari untuk berkomunikasi. Pelajar akan memahami proses pengekodan kod ASCII (sistem binari). Selanjutnya, modul ini dibentuk bagi mengartikulasi masalah dan pemikiran secara logik. Pelajar digalakkan menyelesaikan masalah kompleks, merungkai kesamarataan dan menganalisis tindakan mereka.

## **KEJURUTERAAN**

Modul ini adalah bertujuan bagi melatih pelajar kejuruteraan menjadi penuntut ilmu berterusan pada peringkat awal, termasuk mempromosi perkembangan bakat yang tidak didapati dalam piawaian kelas tradisional. Dalam modul ini, aktiviti berkaitan kejuruteraan akan disusun, dan pelajar akan digalakkan untuk berhubungan dalam skala besar dalam aktiviti seumpamanya. Dengan cara ini, mereka akan digalakkan untuk memperkembangkan kesedaran berkenaan kepentingan pembelajaran berterusan dan kesan positif berikutan perkembangan bakat tambahan.

## **MATEMATIK**

Modul ini meliputi operasi asas bagi komunikasi mudah alih, rangkaian telekomunikasi, dan e-dagang. Akhir sekali, pelajar akan mempelajari perkaitan sistem tenaga, bandar dan pengangkutan dengan teknologi komunikasi tanpa wayar.

## KLUSTER SAINS

**Jadual 1. Aktiviti dalam PUTRA STEM Modul SAINS**

<b>Aktiviti</b>	<b>MARI MENGENAL SERANGGA</b>
<b>Masa</b>	15 minit
<b>Saiz kumpulan</b>	5-6 orang/kumpulan
<b>Hasil Pembelajaran</b>	<p>Selepas aktiviti ini, pelajar akan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Memahami ciri asas dan konsep serangga.</li> <li>• Menerangkan karakteristik serangga.</li> </ul>
<b>Material</b>	Teka teki Jigsaw
<b>Aktiviti Penerangan</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pelajar akan diberikan teka teki jigsaw untuk beberapa jenis organisma dari filum Artropoda.</li> <li>2. Pelajar akan diberi masa selama 5 minit untuk menyiapkan teka teki jigsaw.</li> <li>3. Pelajar akan mengelaskan jenis organisma sama ada serangga atau bukan serangga berdasarkan ciri-ciri organisma tersebut.</li> </ol>

**Jadual 2. Aktiviti dalam PUTRA STEM Modul SAINS**

<b>Aktiviti</b>	<b>HABITAT SERANGGA</b>
<b>Masa</b>	25-30 minit
<b>Saiz kumpulan</b>	5-6 orang/kumpulan
<b>Hasil Pembelajaran</b>	<p>Selepas aktiviti ini, pelajar akan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Memahami habitat dan diet serangga berdasarkan pemerhatian</li> <li>• Menjelaskan kepentingan seranggan dan kerosakan yang berpunca daripada serangga.</li> </ul>
<b>Material</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pinggan kertas</li> <li>2. Plastisin</li> <li>3. Krayon</li> <li>4. Warna air</li> <li>5. Berus</li> </ol>
<b>Aktiviti Penerangan</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pelajar akan diberikan pinggan kertas, plastisin, krayon, warna air dan berus.</li> <li>2. Pelajar diberi masa selama lima minit untuk melakukan pemerhatian di luar kelas berkenaan habitat dan pemakanan serangga.</li> <li>3. Pelajar diminta untuk mengumpulkan bunga, daun, ranting dan apa-apa bahan yang berkaitan dengan habitat dan pemakanan serangga yang diperhatikan.</li> <li>4. Pelajar akan melukis dan melekatkan semua bahan yang dikumpulkan pada pinggan kertas.</li> <li>5. Pelajar akan membina model serangga yang diperhatikan dengan mengguna plastisin.</li> </ol>



	<ol style="list-style-type: none"><li>6. Serangga yang dibina akan dilekatkan bersama-sama habitat dan makanan serangga pada pinggan kertas tersebut.</li><li>7. Pelajar akan menjelaskan habitat dan pemakanan serangga mengikut kefahaman.</li></ol>
--	--

**Jadual 3. Aktiviti dalam PUTRA STEM Modul SAINS**

Aktiviti	<b>SISTEM PENGANGKUTAN DALAM TUMBUHAN</b>
Masa	25-30 minit
Saiz kumpulan	5-6 orang/kumpulan
Hasil Pembelajaran	<p>Selepas aktiviti ini, pelajar akan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Memahami sistem pengangkutan dalam tumbuhan</li> </ul>
Material	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pewarna makanan (biru kuning, merah dan hijau)</li> <li>2. Lima kuntum bunga (warna putih)</li> <li>3. Cawan plastik jernih (5 unit)</li> <li>4. Air</li> <li>5. Lidi (5 batang)</li> </ol>
Aktiviti Penerangan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Sediakan empat (4) cawan plastik jernih, labelkan dengan nombor 1 hingga 4.</li> <li>2. Isikan empat (4) cawan plastik jernih tersebut dengan air sehingga separuh penuh.</li> <li>3. Kemudian, masukkan lima (5) titik pewarna yang berbeza dalam setiap cawan yang berisi air seperti berikut: <ol style="list-style-type: none"> <li>a) Pewarna biru dalam cawan nombor 1,</li> <li>b) Pewarna kuning dalam cawan nombor 2,</li> <li>c) Pewarna merah dalam cawan nombor 3,</li> <li>d) Pewarna biru dan kuning dalam cawan nombor 4.</li> </ol> </li> <li>4. Kacau sehingga sebati semua campuran tersebut dengan lidi.</li> <li>5. Masukkan sekuntum bunga putih dalam setiap cawan berisi sebatian pewarna tersebut.</li> <li>6. Lakukan pemerhatian pada petal bunga tersebut.</li> </ol>

## KLUSTER TEKNOLOGI

**Jadual 4. Aktiviti dalam PUTRA STEM Modul TEKNOLOGI**

<b>Aktiviti</b>	<b>KOD NAMA ANDA</b>
<b>Masa</b>	25 minit
<b>Saiz kumpulan</b>	5-6 orang /kumpulan
<b>Hasil Pembelajaran</b>	<p>Selepas aktiviti ini, pelajar akan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• mempelajari kaedah untuk mengkod huruf kepada sistem binari</li> <li>• mempelajari kaedah untuk menyahkod binari kepada huruf</li> </ul>
<b>Material</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Jadual ASCII (1 kad/pelajar)</li> <li>2. Potongan kertas asal (1 per pelajar)</li> <li>3. Manik kayu/plastik (3 warna yang berlainan)</li> <li>4. Tali elastik</li> <li>5. Kancing rantai perhiasan</li> </ol>
<b>Aktiviti Penerangan</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Aktiviti ini melibatkan pelajar membuat kalung/rantai bergaya untuk diri mereka sendiri, di mana nama mereka dinyatakan dalam bentuk binari menggunakan manik.</li> <li>2. Jelaskan kepada pelajar tentang kaedah sistem binari yang diguna dalam komputer.</li> <li>3. Cabar pelajar untuk mengkod huruf yang mereka yang mereka pilih.</li> </ol> <p><i>Langkah 1:</i></p> <p>Tulis Nama Pilihan (5-10 aksara) pada kertas yang disediakan</p>

*Langkah 2:*

Tukar Nama Pilihan kepada Binari berpandukan Jadual ASCII yang diberikan

*Langkah 3:*

Selepas pelajar mengeja nama mereka pada kertas, pelajar perlu menulis setiap aksara mengguna manik untuk menghasilkan rantai.

- Pilih warna manik yang diinginkan (3 warna yang berlainan)
- Contoh 0: Biru 1: Merah dan Ruang: putih
- Tali elastik
- Kancing rantai perhiasan

*Langkah 4:*

Ikatkan kancing rantai perhiasan pada tali elastik, seterusnya masukkan manik-manik yang telah dipilih mengikut Binari kod yang telah diterjemahkan.

**Jadual 5. Aktiviti dalam PUTRA STEM Modul TEKNOLOGI**

<b>Aktiviti</b>	<b>ARAHAN TENTERA – BAHASA PENGATURCARAAN</b>
<b>Masa</b>	25 minit
<b>Saiz kumpulan</b>	5-6 orang/kumpulan
<b>Hasil Pembelajaran</b>	<p>Selepas aktiviti ini, pelajar akan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengartikulasi masalah dan berfikir secara logik</li> <li>• Memecahkan masalah dan meramal apa yang akan berlaku pada masa akan datang</li> <li>• Meneroka sebab dan akibat serta menganalisis bagaimana tindakan mereka atau orang lain memberi kesan kepada situasi yang diberi</li> </ul>
<b>Material</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kertas A2 lukisan grid kosong disediakan</li> <li>2. Kepingan kadbod yang telah dipotong pelbagai bentuk</li> <li>3. Kertas grid A4 (Peta dari titik Mula ke Rumah)</li> </ol>


**Aktiviti**  
**Penerangan**

1. Bentukkan satu kumpulan yang mempunyai empat (4) pelajar. Bahagikan lagi kepada dua (2) bahagian iaitu satu bahagian (pemberi arahan), satu bahagian (pelaksana)
2. Setiap kumpulan diminta untuk melantik dua orang rakan sebagai pemberi arahan. Yang selebihnya dikehendaki menjadi rakan pelaksana mengikut arahan yang diberikan.
3. Fasilitator akan memberi satu (1) peta atas kertas grid A4 kepada rakan pemberi arahan dan bentuk peta ini tidak boleh dilihat oleh ahli kumpulan yang lain.
4. Ahli kumpulan yang lain akan menerima satu kertas grid A2 dan beberapa keping kadbod pelbagai bentuk. Bentuk ini akan dicantumkan oleh ahli kumpulan tersebut mengikut peta yang terdapat pada si pemberi arahan.
5. Kumpulan pemberi arahan akan berbincang dahulu dan menulis arahan untuk ahli kumpulan pelaksana. Masa yang diberikan adalah lima (5) minit.
6. Pemberi arahan akan mengarahkan ahli kumpulan yang lain dengan membelakangkan mereka bagi mencantumkan bentuk dari kepingan kadbod menjadi perjalanan peta yang terdapat pada si pemberi arahan.
7. Setiap arahan yang dibacakan oleh pemberi arahan akan dilaksanakan oleh ahli pelaksana. Ahli pelaksana tidak boleh bertanya soalan.
8. Masa diperuntukkan adalah lima (5) minit.

## KLUSTER KEJURUTERAAN


**Jadual 6. Aktiviti dalam PUTRA STEM Modul KEJURUTERAAN**

<b>Aktiviti</b>	<b>MOTOR ELEKTRIK DALAM KEHIDUPAN SEHARIAN</b>
<b>Masa</b>	25 minit
<b>Saiz kumpulan</b>	5-6 orang/kumpulan
<b>Hasil Pembelajaran</b>	<p>Selepas aktiviti ini, pelajar akan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menghuraikan prinsip fizik dalam operasi motor elektrik</li> <li>• Menghuraikan komponen-komponen yang membina sebuah motor elektrik</li> <li>• Berikan contoh-contoh motor elektrik diaplikasikan dalam kehidupan harian</li> </ul>
<b>Material</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Bateri D</li> <li>2. Wayar dengan penebat</li> <li>3. Jarum jahit (bermata besar untuk wayar melaluinya)</li> <li>4. Pita elektrik</li> <li>5. Tanah liat permodelan</li> <li>6. Pisau kecil</li> <li>7. Magnet kecil</li> <li>8. Pen penanda</li> </ol>


	
<p><b>Aktiviti</b> <b>Penerangan</b></p>	<p>Pendekatan Kepentingan-Penglibatan:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kumpulkan pelajar di dalam sebuah makmal atau bilik kelas.</li> <li>2. Agihkan para pelajar kepada kumpulan kecil.</li> <li>3. Tunjukkan motor kepada pelajar. Kemukakan soalan berikut kepada pelajar: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Apakah kegunaan motor?</li> <li>• Apakah hukum fizik yang membolehkan motor berfungsi.</li> </ul> </li> <li>4. Setiap kumpulan perlu bersedia untuk berkongsi idea mereka dengan kelas.</li> <li>5. Jelaskan kepada pelajar bahawa mereka akan mengetahui bagaimana motor berfungsi, membina sebuah motor dan komponen-komponen yang mempengaruhi fungsi motor.</li> </ol> <p>Aktiviti 1: Bina sebuah motor.</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Bermula dengan pusat dawai, bungkus wayar dengan ketat and kemas di sekeliling penanda sebanyak 30 kali.</li> <li>2. Luncurkan gegelung yang anda buat dari penanda.</li> </ol>




3. Balut setiap hujung dawai di sekeliling gegelung beberapa kali untuk memegangnya bersama-sama, kemudian arahkan wayar jauh dari gelung, seperti yang ditunjukkan.




4. Menggunakan pisau kecil, keluarkan separuh bahagian atas penebat dawai wayar pada setiap akhir gegelung percuma. Dawai wayar yang terdedah harus menghadap arah yang sama pada kedua-dua sisi.




5. Masukkan hujung wayar melalui mata jarum. Pastikan wayar dikekalkan selurus yang mungkin tanpa membengkokkan hujung wayar.



6. Letakkan baterai D di sisi permukaan rata.
7. Lekatkan sedikit tanah liat permodelan di kedua-dua sisi baterai untuk mengekalkan posisi baterai tersebut.





8. Gunakan sedikit tanah liat permodelan yang dibentuk dalam bola kecil and tutup hujung tajam dawai wayar.
9. Letakkan jarum tegak supaya setiap jarum menyentuh satu terminal bateri.
10. Gunakan pita elektrik untuk mengekalkan posisi jarum pada terminal bateri.
11. Lekatkan magnet kecil pada tepi bateri supaya ia berada di bawah gegelung dawai wayar tersebut.



12. Pusingkan gegelung wayar tersebut. Apakah yang berlaku? Apa akan terjadi jika anda pusingkan gegelung tersebut pada arah yang bertentangan?

**Jadual 7. Aktiviti dalam PUTRA STEM Modul KEJURUTERAAN**


<b>Aktiviti</b>	<b>TENAGA – BINAAN TARBIL (CATAPULT)</b>
<b>Masa</b>	25 minit
<b>Saiz kumpulan</b>	5-6 orang /kumpulan
<b>Hasil Pembelajaran</b>	<p>Selepas aktiviti ini, pelajar akan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Memahami potensi tenaga keupayaan dan tenaga kinetik.</li> </ul>
<b>Material</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>Gelang getah (3 unit)</li> <li>Sudu plastik (1 unit)</li> <li>Pita pelekat</li> <li>Lidi (15 batang)</li> <li>Penyedut minuman (3 unit)</li> </ol>
<b>Aktiviti Penerangan</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>Buatkan bentuk segitiga menggunakan lidi mengikut panjang yang bersesuaian. Potongkan penyedut minuman mengikut kesesuaian, dan gunakannya sebagai penyambung sudut-sudut segitiga tersebut. Setiap kumpulan perlu menyediakan tiga (3) set bentuk segitiga. Anda boleh menggunakan pita pelekat untuk mengukuhkan sambungan-sambungan anda. <div style="text-align: center;">  </div> </li> <li>Sambungkan ketiga-tiga bentuk segitiga tersebut membentuk piramid segi tiga mengguna pita pelekat.</li> </ol>



3. Ikatkan lima (5) lidi bersama-sama membentuk seperti sekeping papan.



4. Lekatkan sudu plastik dibahagian hujung ikatan lidi tersebut.  
5. Lekatkan ikatan lidi dan sudu plastik tersebut pada kerangka piramid.



6. Pasangkan gelang getah pada lengan catapult, dan lilitkan pada kerangka piramid, seterusnya disambung semula pada lengan catapult.



7. Letakkan coklat M&M di dalam sudu, tarik lengan catapult ke bawah, dan lepaskan.
8. Kirakan jarak coklat M&M tersebut dilontarkan. Catat jarak tersebut.
9. Tambah gelang getah pada lengan catapult. Ulangi prosedur (7), kirakan jaraknya dan catat.
10. Ulangi langkah (8) dengan menambahkan satu lagi gelang getah.

**KEPUTUSAN**

